



AEON CREDIT CARD

Read this Product Disclosure Sheet before you decide to take up the AEON Credit Card. Be sure to also read the general terms and conditions.

Name of product : AEON Credit Card - herein refers to the following :

- AEON VISA / MasterCard Gold
- AEON VISA / MasterCard Classic
- AEON BiG VISA Gold (*VISA payWave*)
- AEON BiG VISA Classic (*VISA payWave*)
- NEW AEON VISA / MasterCard Gold
- NEW AEON VISA / MasterCard Classic
- Motorcycle Association Affinity VISA Gold
- Japan Club of Kuala Lumpur Credit Card

1. What is this product about?

This is a credit card, with a line of credit granted by us to you and where any amount of the credit utilized by you has not been settled in full on or before the due date, the unsettled amount will be subject to finance charges.

2. What do I get from this product?

- **Credit Limit** : As determined by AEON Credit.
- **Cash Advance** : Maximum withdrawal is up to RM3,000 per day subject to the Cardholder's available credit limit. Cash advance limit maybe lower than credit limit, as notified to cardholder from time to time. Finance charge is 18% p.a of the Cash Advance amount calculated on a daily basis from the day of the cash disbursement.
- **Retail Purchase** : Finance charge of the outstanding will be calculated on daily basis based on the Tiered Finance Rate Structure as below.

Retail Purchase (excludes Cash Advance, Balance Transfer and any other credit plans)	FINANCE RATE	TIER	CARDHOLDER CATEGORIZATION
	15.0% per annum (Effective 11 Nov '15)	1	Cardholders who promptly settle the minimum amount due over 12 consecutive months.
	17.0% per annum	2	Cardholders who promptly settle the minimum amount due for 10 months or more in a 12-month cycle.
	18.0% per annum	3	Cardholders who DO NOT fall within Tier 1 & Tier 2 Category.

3. What are my obligations?

- **Minimum Monthly Repayment** : 5% of the outstanding balance or a minimum of RM50, whichever is higher.
- **Interest Free Period for Retail Purchases** : Cardholders that pay in full before / on the payment due date of the previous month's statement will enjoy an interest-free period of 20 days for all Retail Transactions only. Cardholders that pay minimum before / on the payment due date and revolve their previous month's outstanding balances, will be charged finance charges as per applicable Tiered Finance Rate Structure for all Retail Transactions from posting date of the Retail Transaction. There is no interest free period on Cash Advance and Balance Transfers.
- As the Principal Cardholder, you are liable for all transactions incurred by the Supplementary Cardholders.

4. What are the fees and charges I have to pay?

Annual Fee	CARD TYPE	PRINCIPAL	SUPPLEMENTARY
FIRST YEAR WAIVED	AEON Gold Card (VISA / MasterCard)	RM95	RM60
	AEON Classic Card (VISA / MasterCard)	RM30	RM20
	AEON BiG Gold Card (VISA)	RM95*	RM60*
	AEON BiG Classic Card (VISA)	RM30*	RM20*
	NEW AEON Gold Card (VISA / MasterCard)	RM95*	RM60*
	NEW AEON Classic Card (VISA / MasterCard)	RM30*	RM20*
	Motorcycle Association Affinity Gold Card (VISA)	Waived	
	Japan Club of Kuala Lumpur Credit Card (VISA)	Waived	
Joining Fee	The fees are waived for all types of cards (unless stated).		
Cash Advance Fee	5% of the amount advanced or a minimum RM15, whichever is higher. This is imposed for each Cash Advance transaction.		
Finance charge of the outstanding will be calculated on daily basis based on the Tiered Finance Rate Structure	Retail Purchase		
	DESCRIPTION	FINANCE RATE	
		PER MONTH	PER ANNUM
	Cardholders who promptly settle the minimum amount due over 12 consecutive months	1.25%	15.0% (Effective 11 Nov '15)
Cardholders who promptly settle the minimum amount due for 10 months or more in a 12-month cycle	1.42%	17.0%	
Cardholders who DO NOT fall within Tier 1 & Tier 2 Category	1.50%	18.0%	
Late Payment Charge	Minimum of RM10 or 1% of the total outstanding balance as at statement date whichever is higher, and up to a maximum of RM100.		
Overseas Transaction - Retail and Cash Advance	Card transactions effected in currencies other than Ringgit Malaysia will be debited to the Cardholder's Account after conversion into Ringgit Malaysia, at the exchange rate as determined by VISA / MasterCard on the day of conversion including a service fee of 1%.		
Card Replacement Fee	If your card is lost or stolen, the replacement card fee is RM50 per card (first time for AEON BiG Credit Card is RM35) and RM50 (subsequent) per card.		
Sales Draft Request Fee	RM15 per copy.		

Credit Card Monthly Statement Retrieval Copy	RM5 per copy.	
Credit Balance Refund Fee	RM2 per request. ÆON BiG Card only : RM0.10 (IBG transfer) or RM0.50 (cheque issuance).	
Other Fees and Charges	ÆON Touch 'N Go Zing Card	An automatic reload amount of RM100 will be directly debited to the ÆON Credit Card with auto-reload fee of RM2.
	ÆON BiG VISA Gold / Classic Card (VISA payWave)	Incorporate ÆON BiG membership card function, currently without additional fee.
	NEW ÆON Gold / Classic Card	ÆON MEMBER Card** membership fee of RM12 yearly or RM24 for three years (payable at ÆON MEMBER Customer Service Counter). Applicant must have valid ÆON MEMBER Card membership.
	GST	All applicable Goods & Services Tax ("GST") and taxes of a similar nature herein shall be payable by the Cardholder. For further details please log on to www.aeonmalaysia.com.my

****NOTE : ÆON MEMBER Card previously known as J CARD.**

5. What if I fail to fulfil my obligations?

• **Late Payment Penalty Charges**

A minimum of RM10 or 1% of total outstanding balance as at statement date whichever is higher and up to a maximum of RM100.

• **Liability For Unauthorized Transactions**

You must always use reasonable precautions to prevent loss of your credit card and personal identification number (PIN). You are advised not to disclose the PIN or credit card details to unauthorized parties. If your credit card is lost or stolen, you must notify ÆON Credit immediately as soon as reasonably practicable after having found that your credit card is lost or stolen, followed by a written confirmation together with a copy of a police report and provided that you have not acted fraudulently. Your maximum liability for unauthorized transactions as a consequence of a lost or stolen credit card shall be confined to a limit specified by ÆON Credit.

• ÆON Credit may resolve that your liability be limited to RM250.00 (or such amounts as may be determined by ÆON Credit from time to time, with the approval of Bank Negara Malaysia, if required) subject to the following conditions : (1) you had in good faith and with reasonable care and diligence safeguarded your credit card or PIN from risk of loss, theft, unauthorized usage or disclosure; AND (2) you have not acted fraudulently; AND (3) you had immediately notified ÆON Credit upon discovery of loss, theft, unauthorized usage of the credit card or PIN or non receipt of a renewal or replacement ÆON Credit Card.

• ÆON Credit has the right to set-off any credit balance in your account maintained with us against any outstanding balance in this credit card.

• If you fail to abide by the terms and conditions of the credit card, we have the right to terminate your card.

6. What if I fully settle the balance before its maturity?

[For Flexi Payment Plan (FPP) or 0% Instalment Payment Plan (0% IPP)]

• Penalty for early settlement of FPP/ÆON or 0% IPP.

Varies with each promotion.

• Lock-in Period.

Varies with each promotion.

• Early Settlement Fee.

ÆON Credit shall be entitled to debit from the Cardholder's account as per following :

i) FPP : RM50 per transaction ii) 0% IPP : RM30 per transaction

NOTE : No penalty for early settlement of 0% Balance Transfer.

7. What are the major risks?

• If you pay only the minimum amount due, it will take you longer and cost you more to settle the outstanding balance. Think about your repayment capacity when charging the credit card.

• If you use your credit card to make repayment for other financing, it may cost you more.

• If you have problems paying for your credit card balances, contact us early to discuss repayment alternatives.

• You should notify us immediately after having found that your credit card is lost or stolen.

8. What do I need to do if there are changes to my contact details?

It is your obligation as a Cardholder to inform us of any changes in your contact details to ensure that all correspondences reach you in a timely manner. Please contact our Customer Service Centre at 03-2719 9999 to change your contact details. Also, you can change your contact details by visiting us at any ÆON Credit branches nationwide.

9. Where can I get further information?

If you have any enquiries, please contact us at :

ÆON Credit Service (M) Berhad

Level 29, Menara Olympia, No. 8, Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.

Customer Service Centre : 03-27199999 Website : www.aeonmalaysia.com.my

Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit has been established by Bank Negara Malaysia to provide free services on money management, credit counseling, financial education and debt restructuring for individuals. For enquiry, please call 1-800-88-2575.

IMPORTANT NOTE : LEGAL ACTION MAY BE TAKEN AGAINST YOU IF YOU DO NOT KEEP UP REPAYMENTS ON YOUR CREDIT CARD BALANCES.

The information provided in this Product Disclosure Sheet is valid as at June 2016. In the event where there is discrepancy between the English and Bahasa Melayu version, the English version will prevail.



KAD KREDIT AEON CREDIT

Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda memohon Kad Kredit AEON Credit. Pastikan juga anda membaca terma & syarat umum.

Nama produk : Kad AEON Credit - iaitu merujuk kepada yang berikut :

- Kad Emas AEON VISA / MasterCard
- Kad Emas NEW AEON VISA / MasterCard
- Kad Emas Motorcycle Association Affinity VISA
- Kad Klasik AEON VISA / MasterCard
- Kad Klasik NEW AEON VISA / MasterCard
- Kad Kredit Japan Club of Kuala Lumpur
- Kad Emas AEON BiG VISA (*VISA payWave*)
- Kad Klasik AEON BiG VISA (*VISA payWave*)

1. Apakah produk ini?

Ini adalah kad kredit dengan kemudahan kredit yang diberikan oleh kami kepada anda dimana setiap jumlah kredit yang digunakan oleh anda yang tidak dijelaskan sepenuhnya pada atau sebelum tarikh tertentu, jumlah yang belum diselesaikan itu akan dikenakan caj kewangan.

2. Apakah manfaat yang boleh saya peroleh daripada produk ini?

- **Had Kredit** : Seperti yang ditentukan oleh AEON Credit.
- **Pendahuluan Tunai** : Pengeluaran Pendahuluan Tunai maksimum adalah sehingga RM3,000 sehari tertakluk kepada had kredit pemegang kad yang sedia ada. Had pendahuluan tunai mungkin lebih rendah daripada had kredit, sebagaimana yang diberitahu kepada pemegang kad dari semasa ke semasa. Caj kewangan adalah 18% setahun daripada jumlah Pendahuluan Tunai dikira mengikut asas harian dari hari dikeluarkan.
- **Pembelian Runcit** : Caj kewangan tertunggak akan dikira mengikut asas harian berdasarkan kepada Struktur Kadar Kewangan Berperingkat seperti dibawah.

Pembelian Runcit (tidak termasuk Pendahuluan Tunai, Pindahan Baki dan sebarang pelan-pelan kredit lain)	KADAR KEWANGAN	TAHAP	KATEGORI PEMEGANG KAD
	15.0% setahun (Efektif 11 Nov '15)	1	Pemegang Kad yang membayar amaun minimum tepat pada masa bagi 12 bulan berturut-turut.
	17.0% setahun	2	Pemegang Kad yang membayar amaun minimum tepat pada masa bagi 10 bulan dan ke atas dalam kitaran 12 bulan.
	18.0% setahun	3	Pemegang Kad yang TIDAK tergolong dalam kategori Tahap 1 & Tahap 2.

Untuk menikmati caj kewangan yang lebih rendah untuk transaksi pembelian, anda perlu membuat sekurang-kurangnya 10 pembayaran tepat dalam 12 bulan terakhir.

3. Apakah tanggungjawab saya?

- **Pembayaran Balik Minimum Setiap Bulan** : 5% daripada baki tertunggak atau minimum RM50, yang mana lebih tinggi.
- **Tempoh Tanpa Faedah Untuk Pembelian Runcit** : Pemegang-pemegang Kad yang menjelaskan semua bayaran bagi penyata bulan lepas sebelum / pada tarikh akhir bayaran akan menikmati tempoh tanpa faedah selama 20 hari bagi semua transaksi urus niaga runcit sahaja. Pemegang-pemegang Kad yang membuat bayaran minimum bagi penyata bulan lepas sebelum / pada tarikh akhir bayaran akan dikenakan caj kewangan mengikut Struktur Kadar Faedah Bertingkat yang berkenaan bagi semua transaksi runcit bermula daripada tarikh pengeposan transaksi urus niaga runcit tersebut. Tiada tempoh tanpa faedah kewangan bagi transaksi Pendahuluan Tunai dan Pindahan Baki 0%.
- Sebagai Pemegang Kad Utama, anda bertanggungjawab untuk semua urusan niaga yang dibuat oleh Pemegang Kad Tambahan.

4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Yuran Tahunan	JENIS KAD	UTAMA	TAMBAHAN	
TAHUN PERTAMA DIKECUALIKAN	Kad Emas AEON (VISA / MasterCard)	RM95	RM60	
	Kad Klasik AEON (VISA / MasterCard)	RM30	RM20	
	Kad Emas AEON BiG (VISA)	• VISA payWave • Faedah Kad AEON BiG Member	RM95*	RM60*
	Kad Klasik AEON BiG (VISA)		RM30*	RM20*
	Kad Emas NEW AEON (VISA / MasterCard)	• Faedah Kad AEON MEMBER	RM95*	RM60*
	Kad Klasik NEW AEON (VISA / MasterCard)		RM30*	RM20*
* Percuma dengan minimum 12 transaksi setahun.	Kad Emas Motorcycle Association Affinity (VISA)	Dikecualikan		
	Kad Kredit Japan Club of Kuala Lumpur (VISA)	Dikecualikan		
Yuran Penyertaan	Yuran ini dikecualikan untuk semua jenis kad (kecuali dinyatakan).			
Yuran Pendahuluan Tunai	5% daripada amaun pendahuluan atau minimum RM15, yang mana lebih tinggi akan dikenakan untuk setiap transaksi Pendahuluan Tunai.			
Caj kewangan tertunggak akan dikira mengikut asas harian berdasarkan kepada Struktur Kadar Faedah Bertingkat	Pembelian Runcit			
	PERIHALAN	KADAR FAEDAH		
			SETIAP BULAN	SETIAP TAHUN
		Pemegang Kad yang membayar amaun minimum tepat pada masa bagi 12 bulan berturut-turut	1.25%	15.0% (Efektif 11 Nov '15)
Pemegang Kad yang membayar amaun minimum tepat pada masa bagi 10 bulan dan ke atas dalam kitaran 12 bulan	1.42%	17.0%		
Pemegang Kad yang TIDAK tergolong dalam kategori Tahap 1 & Tahap 2	1.50%	18.0%		
Caj Bayaran Lewat	Minimum RM10 atau 1% daripada jumlah baki tertunggak seperti pada tarikh penyata, yang mana lebih tinggi, dan sehingga maksimum RM100.			
Urus Niaga Luar Negara - Runcit dan Pendahuluan Tunai	Transaksi kad yang dilakukan dalam matawang asing selain dari Ringgit Malaysia akan didebit ke akaun Pemegang Kad selepas ditukar kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang ditentukan oleh VISA / MasterCard pada hari pertukaran termasuk caj perkhidmatan sebanyak 1%.			
Yuran Penggantian Kad	Jika kad anda hilang atau dicuri, yuran penggantian kad adalah RM50 bagi setiap kad (kali pertama untuk AEON BiG Kad kredit adalah RM35) dan RM50 (berikutnya) bagi setiap kad.			
Yuran Permintaan Draf Jualan	RM15 setiap draf.			

Salinan Penyata Bulanan Kad Kredit yang Didapatkan Semula	RM5 setiap penyata kad.	
Yuran Pemulangan Baki Kredit	RM2 setiap permintaan. Kad ÆON BiG sahaja : RM0.10 (pemindahan IBG) atau RM0.50 (pengeluaran cek).	
Yuran dan Caj Lain	Kad ÆON Touch 'N Go Zing	Tambah nilai automatik RM100 didebit terus ke Kad Kredit ÆON dengan yuran tambahan nilai automatik sebanyak RM2.
	Kad ÆON BiG Visa Emas / Klasik (VISA payWave)	Menggabungkan fungsi kad keahlian ÆON BiG, kini tanpa bayaran tambahan.
	Kad Emas / Klasik NEW ÆON	Yuran keahlian Kad ÆON MEMBER** sebanyak RM12 setahun atau RM24 untuk tiga tahun (pembayaran di Kaunter Perkhidmatan pelanggan Ahli ÆON). Pemohon mesti mempunyai keahlian Kad ÆON MEMBER yang sah.
	GST	Sebarang Cukai Barangan dan Perkhidmatan dan lain-lain cukai yang seumpamanya perlu dibayar oleh Pemegang Kad. Untuk maklumat lanjut sila layari www.aeonmalaysia.com.my

****PERHATIAN : Kad ÆON MEMBER sebelum ini dikenali sebagai J KAD.**

5. Bagaimana sekiranya saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?

• Caj Bayaran Lewat

Minimum RM10 atau 1% daripada jumlah baki yang belum dijelaskan pada tarikh penyata, yang mana lebih tinggi, sehingga jumlah maksimum sebanyak RM100 akan dikenakan.

• Liabiliti Bagi Urusniaga Yang Tidak Dibenarkan

Anda mesti sentiasa berhati-hati untuk menghalang kehilangan kad kredit anda dan nombor pengenalan diri (PIN). Anda dinasihatkan tidak mendedahkan PIN atau perincian kad kredit kepada pihak yang tidak sah. Sekiranya kad kredit anda hilang atau dicuri, anda mesti memberitahu ÆON Credit dengan serta-merta sebaik sahaja boleh berbuat demikian selepas mengetahui yang kad kredit anda hilang atau dicuri, diikuti dengan pengesahan bertulis bersama-sama dengan satu salinan laporan polis dan dengan syarat anda tidak bertindak dengan menipu. Liabiliti maksimum anda bagi urusniaga yang tidak sah disebabkan kad kredit yang hilang atau dicuri adalah tertakluk kepada had yang ditentukan oleh ÆON Credit.

• ÆON Credit berhak memutuskan bahawa liabiliti anda dihadkan kepada RM250.00 (atau jumlah yang ditentukan oleh ÆON Credit dari masa ke semasa, dengan kelulusan daripada Bank Negara Malaysia jika perlu) tetapi tertakluk kepada syarat-syarat berikut : (1) Jika terbukti anda telah mengambil langkah keselamatan untuk mengelakkan kehilangan, kecurian atau pendedahan PIN dan penyalahgunaan daripada berlaku kepada kad kredit atau PIN anda; DAN (2) anda bertindak secara jujur tanpa tipu daya; DAN (3) anda melaporkan kepada ÆON Credit dengan serta-merta setelah mengetahui kehilangan, kecurian atau pendedahan PIN atau anda mengesyaki penyalahgunaan pada kad atau PIN atau Kad yang diperbaharui atau diganti tidak diterima dalam tempoh yang berpatutan dari ÆON Credit.

• ÆON Credit berhak untuk menolak selesai sebarang baki kredit dalam akaun anda dengan kami terhadap sebarang baki tunggakan dalam akaun kad kredit ini.

• Jika anda gagal mematuhi terma dan syarat kad kredit, kami mempunyai hak untuk menghentikan kad anda.

6. Bagaimana sekiranya saya menjelaskan sepenuhnya baki sebelum tempoh matang?

[Untuk Pelan Pembayaran Flexi (PPF) atau Pelan Pembayaran Ansuran 0% (PPA 0%)]

• Caj penjelasan awal untuk PPF/ÆON atau PPA 0%.

Berbeza mengikut setiap promosi.

• Tempoh Terikat.

Berbeza mengikut setiap promosi.

• Yuran Penjelasan Awal.

ÆON Credit mempunyai hak untuk menolak selesai daripada akaun Pemegang Kad yang berikut :

i) PPF : RM50 untuk setiap transaksi ii) PPA 0% ÆON : RM30 untuk setiap transaksi

NOTA : Tiada caj penjelasan awal untuk penyelesaian awal Pindahan Baki 0%.

7. Apakah risiko-risiko utama?

• Jika anda hanya menjelaskan bayaran minimum yang perlu dibayar, jumlah faedah yang lebih tinggi dan masa yang lebih lama akan diambil untuk menyelesaikan jumlah penuh. Fikirkan tentang kemampuan pembayaran balik anda semasa menggunakan kad kredit.

• Jika anda menggunakan kad kredit anda untuk membuat bayaran balik bagi pembiayaan lain, ia mungkin meningkatkan kos anda.

• Jika anda mempunyai masalah untuk membayar baki kad kredit anda, hubungi kami lebih awal untuk membincangkan alternatif pembayaran balik.

• Anda hendaklah memberitahu kami serta-merta apabila mengetahui yang kad kredit anda hilang atau dicuri.

8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat apa-apa perubahan dalam maklumat perhubungan saya?

la adalah kewajipan anda sebagai Pemegang Kad untuk memaklumkan kepada pihak kami tentang sebarang perubahan berkenaan maklumat perhubungan anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Sila hubungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan kami di 03-2719 9999 untuk mengubah maklumat perhubungan anda. Anda juga boleh menukar maklumat perhubungan anda dengan melawat mana-mana cawangan ÆON Credit di seluruh negara.

9. Di mana saya boleh mendapat maklumat lanjut?

Jika anda mempunyai apa-apa pertanyaan, hubungi kami di :

ÆON Credit Service (M) Berhad

Tingkat 29, Menara Olympia, No. 8, Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.

Pusat Perkhidmatan Pelanggan : 03-2719 9999 Laman web : www.aeonmalaysia.com.my

Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pinjaman secara percuma kepada individu. Untuk membuat pertanyaan, sila hubungi talian 1-800-88-2575.

PERINGATAN PENTING : TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA SEKIRANYA ANDA TIDAK MEMATUHI PEMBAYARAN BALIK BAKI KAD KREDIT ANDA.

Maklumat yang disediakan dalam Helaian Pendedahan Produk ini adalah sah bermula dari Jun 2016. Sekiranya berlaku perbezaan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu maka versi Bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai.